

INTEGRASI EKOLOGI BUDAYA DALAM PENDIDIKAN MASYARAKAT BAJAU LAUT DI SEMPORNA, SABAH

Hamidah Mohd Rusli¹
Wan Azmi Wan Omar²
Halimatus Saadiah Mat Saad (Ph.D)³

¹JAPIM, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT), Malaysia, (E-mail:33-hamidahmohdrusli@epembelajaran.edu.my)

²JAPIM, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT), Malaysia (Email:azmi2514@epembelajaran.edu.my)

³JAPIM, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT), Malaysia (E mail:halimatus25-38@epembelajaran.edu.my)

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui aspek-aspek ekologi budaya dalam pendidikan Kanak-kanak Bajau Laut di Perairan Semporna, Sabah, Malaysia. Selain itu, kajian ini untuk mengetahui bagaimana sistem sosial masyarakat Bajau Laut, pola pemukiman serta tahap teknologi yang digunakan dalam kehidupan seharian komuniti tersebut. Kajian kes ini dijalankan menggunakan kaedah triangulasi, pemerhatian dan temubual terhadap tiga orang responden Bajau Laut yang terlibat dengan program Community and Research Based Education IPG kampus Tawau yang terletak di perairan Mabul Semporna, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan kehidupan Masyarakat Bajau Laut tidak boleh terpisah dengan budaya dan persekitaran mereka, bahkan hal ini dapat menyumbang kepada motivasi Bajau Laut untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang pendidikan. Implikasi kajian ini diharapkan dapat menjadi sebahagian daripada tinjauan literatur kepada pengkaji-pengkaji yang berminat menjalankan kajian terhadap ekologi budaya dan pendidikan komuniti Bajau laut.

Kata kunci: Ekologi Budaya, Pendidikan, Kanak-kanak Bajau Laut

Abstract: This study aims to find out the aspects of cultural ecology in the education of Bajau Laut Children in Semporna, Sabah, Malaysia. In addition, this study is to find out how the social system of the Bajau Laut community, settlement patterns and the level of technology used in the daily life of the community. This case study was conducted using the method of triangulation, observation and interviews with three Bajau Laut respondents who were involved with the Community and Research Based Education IPG Tawau located at Mabul Semporna, Sabah. The findings of the study show that the life of the Bajau Laut Community cannot be separated from their culture and environment, even this can contribute to the motivation of the Bajau Laut to actively involve themselves in the field of education. The implications of this study are expected to be part of the literature review for researchers who are interested in conducting studies on the cultural ecology and education of the Bajau laut community.

Keywords: Cultural Ecology, Education, Bajau Laut Children

1. Pengenalan

Ekologi budaya memberi pengetahuan kepada kita tentang bagaimana manusia beradaptasi dari aspek budaya. Oleh itu, dalam kajian saya kali ini akan mengupas tentang ekologi budaya Bajau Laut yang memfokuskan kepada beberapa elemen yang terdapat dalam ekologi budaya iaitu sistem sosial, pola pemukiman dan teknologi yang berkembang seiring perubahan lingkungan (Sanjaya, V., & Gandha, M.V., 2021). Orang-orang Bajau Laut banyak meluangkan masa sepanjang kehidupan mereka di dalam perahu dan bot. Ekologi budaya mereka dipengaruhi oleh cara hidup Bajau Laut yang diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi, berkembang dan berakar umbi dalam masyarakat. Mereka mengekalkan adat turun temurun dan berusaha memastikan adat mereka sentiasa terpelihara (Gregory & Noria, 2020).

Dari segi pendidikan, masyarakat Bajau Laut belum berupaya untuk bersaing dengan bangsa lain serta menganggap pendidikan bukan sebagai keutamaan buat mereka. Cara hidup masyarakat Bajau Laut yang berbeza dengan kaum yang lain ini menyebabkan mereka sedikit ketinggalan dari segi pembangunan dan arus kemodenan masa kini termasuklah kekurangan peluang bagi mendapatkan pendidikan. Berdasarkan perundangan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), akta tersebut menyatakan bagi mana-mana murid yang ingin mengikuti pembelajaran di sekolah kerajaan ataupun ke sekolah bantuan kerajaan mestilah mempunyai status sebagai warganegara yang diiktiraf (Mohd Afizi, 2019). Masyarakat Bajau Laut rata-ratanya tidak mempunyai sijil kewarganegaraan yang sah di sisi undang-undang menyukarkan kanak-kanak Bajau Laut untuk mendapatkan pendidikan rasmi di sekolah. Oleh itu, masyarakat Bajau Laut seharusnya mendapat peluang pendidikan yang sama rata seperti kaum lain. Ini kerana bagi Orang Asli, pendidikan merupakan cara untuk mereka meningkatkan lagi tahap dan meneruskan keberlangsungan hidup mereka (Mohd Nazri, 2014). Tuntasnya, matlamat pendidikan masyarakat Bajau Laut haruslah meliputi pengetahuan dan pembangunan sendiri yang boleh menyumbang ke arah kesejahteraan dan kelestarian budaya Masyarakat Bajau laut itu sendiri.

2. Tinjauan Literatur

Kajian berkaitan ekologi budaya masyarakat Bajau Laut telah dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini namun masih belum dijalankan secara menyeluruh dan komprehensif. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kajian tentang masyarakat Bajau Laut Sabah amat sedikit jumlahnya serta belum menjadi tumpuan pengkaji tempatan (Budi Anto et al., 2021). Kebanyakan daripada masyarakat Bajau Laut tidak mahu menghampiri penghuni daratan disebabkan malu. Jika mereka keluar dari perahu, mereka hanya pergi ke kawasan yang berdekatan dengan laut sahaja. Perkara sedemikian menyebabkan tidak ramai penyelidik yang berjaya dan tampil dengan data kajian mereka yang lebih luas. Walau bagaimanapun kajian tentang masyarakat Bajau Laut masih lagi terlalu sedikit dan belum menjadi tumpuan menyeluruh bagi pengkaji tempatan.

Berdasarkan kajian yang terdahulu kebanyakan menunjukkan penduduk di negeri Sabah amat bertoleransi tinggi walaupun berbeza etnik, di samping mereka turut hidup dalam suasana harmoni. Buktinya telah banyak berlaku perkahwinan campur antara kaum dan agama dalam keluarga masyarakat di Sabah (Chua Bee Seok et al., 2016). Sather (1997) telah membuat kajian yang terawal berkenaan Bajau Laut yang bertajuk Bajau Laut:

Adaptasi, sejarah, dan masa depan dalam masyarakat nelayan maritim di Timur Selatan Sabah. Sather menggunakan pendekatan Sejarah dan etnografi bagi memahami masyarakat Bajau Laut ini. Seterusnya, Beliau menekankan aspek Sejarah, agama, organisasi sosial dan aspek ekonomi masyarakat Bajau Laut. Selain itu, terdapat juga kajian beliau yang lain pada tahun (2002) bertajuk *Perdagangan Komoditi, Pertukaran Hadiah dan Sejarah penduduk nomad maritim di tenggara Sabah*. Dalam kajian ini Sather lebih memfokuskan tentang budaya pertukaran barang yang diamalkan oleh komuniti Bajau Laut. Budaya bertukar barang merupakan budaya yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau Laut sehingga kini.

Pada tahun 2007, Ismail Ali (2007) telah membuat penyelidikan di Semporna Sabah tentang Bajau Laut yang bertajuk *Petempatan dan Kehidupan Komuniti Bajau Laut di Pulau Gusungan, Semporna Sabah*. Kajian tersebut pula hanya menumpukan aspek kegiatan ekonomi masyarakat Bajau Laut. Seterusnya pada tahun (2011) beliau sekali lagi telah membuat satu kajian di Pulau Mabul yang bertajuk *Komuniti Orang Tanpa Negara di Sabah: Kajian Kes Komuniti Bajau Laut Di Pulau Mabul Semporna*. Pada kali ini, kajian beliau memberi penekanan kepada taraf sosio ekonomi dan status kerakyatan masyarakat Bajau Laut. Penemuan kajian ini juga menyatakan bahawa masyarakat Bajau Laut sebahagiannya dikesan sebagai buta huruf dan ramai yang tidak memahami apatah lagi menguasai bahasa Melayu.

Kajian terbaharu yang mengulas isu pendidikan dan komuniti Bajau Laut telah dibuat oleh Badariah Saibeh (2019) yang bertajuk *Pendidikan untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan dan Kebolehcapaian Pendidikan dalam Kalangan Penduduk Di Pulau Mabul Sabah*. Kanak-kanak dalam kelompok ini diberikan peluang pendidikan alternatif kerana mereka tidak berpeluang untuk bersekolah di sekolah kerajaan. Sekolah alternatif yang dibina di Pulau Mabul adalah bagi memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak tersebut. Penduduk di Pulau Mabul menunjukkan minat dan memberikan sokongan kepada pihak sekolah dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Hasil dapatan daripada kajian tersebut memberikan maklumat yang bermanfaat terutama cadangan bagi memperbanyakkan pendidikan alternatif kepada kanak-kanak masyarakat Bajau Laut sekurang kurangnya agar mereka dapat belajar membaca. Seterusnya, UNICEF (2007) mengeluarkan kenyataan bahawa sebanyak 80 peratus kanak-kanak masyarakat yang tinggal di pedalaman tidak sempat menamatkan zaman persekolahan di peringkat menengah.

3. Metodologi Kajian

Pemilihan sampel bagi temu bual adalah dalam kalangan masyarakat Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna, Sabah melalui program 'community and research-based education IPG Kampus Tawau'. Kajian ini telah dijalankan oleh saya dengan menggunakan kaedah kajian kes berbentuk triangulasi kaedah. Triangulasi bermaksud penggunaan method yang berbeza dalam usaha untuk mendapatkan banyak maklumat dan data agar hasil dapatan daripada kajian kualitatif ini lebih menyakinkan. Struktur kajian ini dipilih berpandukan kepada kemahuan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih terperinci (Yin, 2009). Di samping itu, kaedah ini digunakan untuk mendapatkan bayangan yang lebih jelas berkenaan pandangan beberapa orang responden dalam kalangan masyarakat Bajau Laut. Kajian kes adalah salah satu daripada jenis penyelidikan yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan apa yang berlaku. Seorang penyelidik juga mesti bekerja keras

mencari sebanyak mungkin maklumat data (Sandelowski, 2000). Pengalaman tersebut digambarkan melalui sudut pandangan semua peserta kajian. Maka kesimpulannya, kajian ini melibatkan pelbagai kaedah seperti temu bual dan pemerhatian sepanjang berada di Pulau Mabul, Semporna Sabah.

Bagi kaedah temubual, kaedah ini dijalankan secara bersemuka dan dengan lebih mendalam bersama dengan beberapa orang peserta kajian yang tidak diketahui umurnya dari sebuah perkampungan masyarakat Bajau Laut di Semporna, Sabah. Disebabkan proses mendalami sudut pandangan peserta kajian memerlukan prosedur yang kompleks, maka kaedah temu bual telah diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Kaedah temu bual merangkumi soalan separa berstruktur untuk ditanyakan kepada responden. Harapannya, semoga kajian ini membuka ruang yang lebih berguna untuk memahami dan meneroka tentang kepelbagaian pengalaman manusia (Bogdan & Biklen, 2007).

Jadual 1. Latar belakang peserta kajian

Peserta kajian	Jantina	Umur	Suku kaum
Delgasi	Lelaki	Tidak diketahui	Bajau laut
Adzman	Lelaki	25 tahun	Bajau
Masher	Lelaki	26 tahun	Bajau

Bagi sampel peserta kajian, seramai tiga orang peserta kajian telah memberi persetujuan untuk ditemu bual dalam kajian ini. Semua peserta kajian diletakkan nama mereka dan boleh dilihat seperti dalam Jadual 1.

Selain itu, kajian ini turut dijalankan menggunakan metodologi pemerhatian. Kaedah pemerhatian ini melibatkan pemerhatian secara langsung seperti mengira jumlah pelajar sekolah. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi, iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat. Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Pengkaji akan berinteraksi dengan masyarakat itu sendiri. Interaksi ini bertujuan memperoleh data melalui teknik yang sistematik. Misalnya semasa di tempat kajian, saya telah membuat pemerhatian kepada suasana persekitaran Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul Semporna, Sabah, Malaysia.

4. Dapatan kajian

Dapatan kajian ini mengklasifikasikan tiga elemen budaya yang wajar diintegrasikan dalam pendidikan Kanak-kanak Bajau Laut. Elemen budaya yang ditekankan disini ialah integrasi ekologi budaya dalam sistem sosial, pola pemukiman dan teknologi Masyarakat Bajau Laut, Semporna, Sabah.

4.1 Sistem Sosial Masyarakat Bajau Laut di Semporna, Sabah

Sistem sosial merupakan satu aspek penting yang memainkan peranan besar dari modal sosial serta hasil dari apa yang dilakukan oleh modal sosial (La Ola., et al, 2020). Modal sosial ditakrifkan dengan sejumlah kelompok masyarakat yang percaya bahawa nilai sosial dan budaya dapat ditingkatkan dengan kerjasama antara satu sama lain agar dapat berkembang maju dengan kekuatan sendiri (Syahra, R, 2003). Saya mendapati bahawa masyarakat Bajau Laut menjalankan kehidupan dengan cara hidup berkelompok di tepi laut serta di atas tanah yang terlibat dengan fenomena air pasang surut. Hal ini kerana kehidupan awal nenek moyang Masyarakat Bajau Laut adalah tidak berasaskan daratan. Sejak dari dahulu lagi mereka memilih secara sukarela untuk hidup di laut. Kehidupan mereka secara berkelompok ini menyebabkan hubungan antara mereka terjalin dengan sangat utuh. Seterusnya sepanjang saya berada di tempat kajian, saya melihat pada sebelah petang kanak-kanak Bajau Laut akan naik ke darat seketika bagi bermain bersama kawan-kawan mereka yang lain. Namun, mereka masih berhati-hati untuk tidak terlalu hampir dengan masyarakat yang hidup di darat kerana mereka akan diganggu oleh mereka. Mereka juga sering bermain di atas bot-bot sahaja. Saya turut memerhatikan bahawa kanak-kanak Bajau Laut menjalankan aktiviti sosial sama sahaja seperti kebanyakan kanak-kanak bangsa lain. Hidup mereka sentiasa dipenuhi dengan aktiviti bermain bersama kawan-kawan yang lain. Kesannya, mereka akan membesar bersama-sama dan meneruskan ikatan persahabatan mereka sehingga menginjak dewasa.

Seterusnya, walaupun mereka tinggal di laut, namun saya dapati bahawa mereka tetap memperoleh bekalan pakaian, sumber makanan dan air tawar di darat. Maka, demi mendapatkan sumber berkenaan, masyarakat Bajau Laut perlu membuat pertukaran ikan dan membeli barangan tersebut daripada penjual di daratan. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kesan positif dalam sistem sosial Masyarakat Bajau Laut. Akan tetapi, mereka tidak akan berada di kawasan daratan dalam tempoh waktu yang lama kerana mereka beranggapan bahawa mereka akan dikacau oleh masyarakat yang tinggal di darat. Oleh hal yang demikian, mereka memilih untuk terus menjalankan hidup mereka sebagai nomad di laut. Pemikiran tersebut menyebabkan wujud beberapa tanggapan bahawa laut adalah dunia percuma dan bebas daripada halangan (Abd Rasyid & Ismail, 2014). Perkara ini ditekan oleh Djohani (1997) yang menyatakan masyarakat Bajau Laut hidup bukan sebagai nelayan sahaja tetapi mereka juga gembira menjalankan kehidupan di laut kerana mereka merasakan kehidupan di laut lebih selamat dan tiada sebarang gangguan. Laut juga menjadi penghubung komunikasi mereka melalui cara berlayar, menangkap ikan atau bertukar barang dengan orang lain.

Kemudian, antara bukti lain yang mengukuhkan kenyataan bahawa hubungan mereka amat rapat sesama bangsa ialah mereka mengamalkan perkahwinan antara bangsa mereka. Perkahwinan diadakan mengikut apa yang diajar oleh nenek moyang mereka serta sama seperti budaya lain. Responden menyatakan: "...*sanding, pinang, nikah. walaupun amalutan kamatua, kawen kabiaksana mengkawen...*". Walaupun mereka menganut amalan orang tua mereka terdahulu, namun amalan perkahwinan mereka akan ikut apa yang dilihat oleh mereka. Misalnya, mereka turut mengamalkan adat meminang, bersanding dan berkumpul sebagaimana kebiasaan yang dilakukan oleh etnik lain. Tambahan lagi, menurut responden ada majlis bersanding akan dibuat di darat, tetapi acara meminang sahaja dibuat di sampan mereka. Untuk meraikan majlis perkahwinan, jamuan makan juga diadakan di darat sama seperti majlis perkahwinan yang lain. Mereka turut

menjemput para tetamu dari kalangan sahabat dan keluarga untuk memeriahkan majlis mereka. Ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Bajau Laut banyak mengamalkan amalan berdasarkan apa yang dilihat dari orang sekeliling. Walaupun setiap amalan dilakukan tanpa mereka mengetahui sama ada amalan tersebut betul atau salah, namun saya mendapati mereka tetap berterusan melakukan amalan tersebut malah diajarkan kepada generasi keturunan yang seterusnya. Di sini saya dapat menyimpulkan bahawa Masyarakat Bajau Laut amat menjaga budaya mereka dan tidak mengabaikan ajaran nenek moyang mereka sejak turun-temurun. Salah seorang daripada responden telah menjelaskan kepada saya: "... *“Walaupun mereka menganut amalan orang tua mereka terdahulu, tetapi amalan perkahwinan mereka akan ikut apa yang mereka nampak. Mereka pun ada adat meminang, bersanding, berkumpul. Majlis perkahwinan mereka akan buat besar besaran juga dan mereka adakan majlis bersanding di darat tetapi ketika meminang kami buat di sampan. Hantaran perkahwinan untuk perempuan bagi masyarakat bajau laut tidak lebih dari RM1500”*.

Berdasarkan segala penerangan tersebut, jelaslah bahawa sistem sosial masyarakat Bajau Laut amat menekankan semangat kebersamaan antara mereka. Oleh itu, pada kesempatan ini saya mencadangkan agar usaha untuk memperbanyakkan madrasah bot terapung perlu diteruskan bagi mengajar lebih ramai lagi anak-anak Bajau Laut. Sekolah terapung yang sedia ada boleh terus dimeriahkan dengan pelbagai rancangan pengajaran serta aktiviti untuk membuktikan kepada Masyarakat Bajau Laut bahawa pembelajaran merupakan satu proses yang menyeronokkan. Kesannya, mereka akan menjadi manusia berilmu pengetahuan seterusnya secara tidak langsung mereka akan menyebarkan pengetahuan tersebut kepada kaum keluarga mereka yang lain. Buktinya, semasa mereka berkumpul antara kaum mereka sudah tentu kanak-kanak ini akan bercerita tentang apa yang telah dipelajari sepanjang berada di sekolah terapung. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat ahli keluarga mereka yang lain untuk turut cuba menyertai aktiviti di sekolah tersebut. Seterusnya, ia sedikit sebanyak dapat mengubah persepsi orang Bajau Laut bahawa bukan semua orang di darat berniat jahat. Hasil dari kekerapan mereka menyertai aktiviti di sekolah terapung ini sedikit-sebanyak berjaya menanamkan keberanian dalam diri Bajau Laut untuk terus mencuba menjalinkan hubungan sosial dengan kaum lain. Kesimpulannya, keakraban hubungan sosial antara mereka perlu dimanfaatkan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan yang berguna agar menjamin kemajuan masa depan mereka bersama.

4.2 Pola Pemukiman Masyarakat Bajau Laut di Semporna, Sabah

Pola pemukiman adalah tempat manusia tinggal bermukim serta melakukan aktiviti harian. Dapatan daripada kajian saya mendapati bahawa masyarakat Bajau Laut memang telah bermukim di laut dan menjadikan bot-bot atau perahu sebagai tempat tinggal mereka. Semasa berada di tempat kajian, saya sendiri melihat bahawa komuniti Bajau Laut sememangnya tidur dan menjalankan aktiviti seharian di atas bot mereka tidak kira apapun cuaca yang melanda. Bahkan ada juga peniaga yang terdiri dari Masyarakat Bajau Laut yang menghampiri kami dengan menggunakan bot mereka sebagai tempat menjual makanan seperti menjual hasil laut, buah kelapa dan sebagainya. Tempat tinggal mereka yang berasaskan laut menyebabkan mereka dapat beradaptasi dengan kawasan sekeliling pada usia yang muda. Pada pemerhatian saya juga, kanak-kanak pada usia muda turut bijak mencari rezeki dan mengikut ibu bapa mereka berniaga di dalam bot tersebut. Sejak dahulu lagi orang-orang Bajau Laut bermukim di pulau-pulau kecil dan kawasan persisiran pantai

dan serta menjalankan kehidupan di dalam rumah perahu di pesisir laut. Terdapat juga beberapa kelompok yang mahir membina rumah di atas air. Oleh sebab inilah terdapat pelbagai saiz kebesaran bot-bot milik Bajau Laut ini. Tambahan lagi, aktiviti kehidupan mereka adalah bergantung sepenuhnya pada laut seperti laut sebagai tempat membersihkan diri, memasak, bermain dan sebagainya. Kesimpulannya, pola pemukiman mereka di atas laut, pekerjaan nelayan sebagai sumber pendapatan, sistem pengetahuan, teknologi, sistem ekonomi dan sistem sosial kaum Bajau tertumpu kepada sumber laut dan pesisir nya (Basri, 2017).

Disebabkan keadaan mereka yang sentiasa berada di laut, maka keperluan kepada adanya madrasah terapung amat diperlukan sekali kerana mereka tidak dapat pergi ke sekolah di darat untuk menimba ilmu pengetahuan. Walaupun mereka tidak dapat menerima pendidikan formal mengikut silibus yang selaras sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), namun pembelajaran tentang perkara asas dalam kehidupan seperti belajar membaca, mengira, melukis dan sebagainya amat penting dan sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Untuk memudahkan urusan ibu bapa kanak-kanak Bajau Laut, pihak madrasah terapung mengambil inisiatif untuk mengambil dan menghantar anak-anak Bajau Laut agar mereka dapat belajar bersama di dalam madrasah terapung. Sepanjang saya berada di tempat kajian, saya sendiri menyertai pasukan bot madrasah terapung untuk pergi ke setiap bot untuk mencari ibu bapa yang secara sukarela membenarkan anak-anak mereka untuk belajar bersama di dalam madrasah ini jika keadaan laut tidak terlalu kuat bergelora. Walaupun ada segelintir ibu bapa yang tidak membenarkan, namun sambutan yang diberikan oleh mereka yang lain juga turut tidak mengecewakan. Dalam kalangan pelajar madrasah terapung kami terdapat pelbagai peringkat umur kanak-kanak bahkan ada juga dalam kalangan mereka merupakan adik-beradik. Selain itu, saya dapati bahawa ibu bapa kanak-kanak Bajau Laut yang menghantar anak mereka ke madrasah terapung ini memberikan respon yang memberangsangkan. Hal ini kerana mereka dapat melihat perkembangan positif anak-anak mereka yang amat gembira semasa belajar. Ini dapat dibuktikan dengan jawapan responden semasa ditanyakan apakah perubahan yang ketara dilihat kepada anak-anak mereka selepas anak-anak mereka balik dari belajar di madrasah terapung. Responden pertama menyatakan bahawa terdapat perubahan positif yang dilihat setelah anak-anak mereka balik dari belajar di madrasah terapung. *"...ok jugak sejak ada pelajaran ni, mereka makin bagus. Sebelum ni rutin mereka bermain-main saja. Selepas balik dari belajar, kami nampak macam budak-budak menulis, mewarna..."*. Tegasnya, dengan kewujudan madrasah terapung ini taraf pendidikan Masyarakat Bajau Laut dapat dipertingkatkan sekaligus berjaya melahirkan generasi Bajau Laut yang tidak ketinggalan serta boleh bersaing dengan bangsa yang lain dalam bidang pendidikan. Tidak kiralah sama ada hidup di darat ataupun di lautan, peluang pendidikan mestilah diberi sama rata kepada semuanya.

4.3 Teknologi yang digunakan bagi masyarakat Bajau Laut di Semporna, Sabah

Komuniti terpencil seperti Bajau Laut dianggap terpinggir dari arus pembangunan negara (Asnarulkhadi, 2005). Semasa menjalankan kajian, saya melihat dengan mata saya sendiri bahawa masyarakat Bajau Laut masih menggunakan cara tradisional untuk menjalankan aktiviti harian dan kegiatan ekonomi mereka. Oleh kerana kehidupan mereka yang berhubung dengan laut, maka mereka telah menjadi nelayan handalan sejak dahulu lagi. Sumber utama pendapatan Bajau Laut adalah melalui hasil laut melalui aktiviti memukat,

mencari hasil laut seperti landak laut, siput, kerang dan sebagainya (Aldam, N.F., & Yew, V.W., 2017). Secara tidak langsung, hidupan laut seperti ikan telah menjadi salah satu daripada makanan asas mereka. Berdasarkan pemerhatian dan perbualan bersama responden, mereka masih menggunakan jala untuk menangkap ikan. Medium yang digunakan ini jelas menunjukkan mereka masih menggunakan cara tradisional dan tidak didedahkan dengan cara moden yang menggunakan teknologi canggih dan berkualiti tinggi. Selain itu, masyarakat Bajau Laut menjalankan kegiatan perikanan menggunakan perahu biasa ataupun sampan kepunyaan masing-masing yang telah diubahsuai menjadi perahu bersayap yang lebih kecil iaitu *dapang* (Ali Ismail, 2007). Saya telah memerhatikan pada setiap sampan mereka terdapat jala yang digunakan oleh mereka bagi kegiatan menangkap ikan. Untuk menangkap ikan, seawal jam 5 pagi nelayan akan mendayung perahu menuju ke perairan batu karang dan kembali ke pantai pada waktu petang. Selain itu, penangkapan hasil laut dilakukan dengan cara penyelaman, pemancingan atau menggunakan tombak (Indrawasih & Antariksa, 2003). Kepakaran Masyarakat Bajau Laut dalam kemahiran menyelam semenangnya telah mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana mereka dapat menyelam dalam kedalaman yang amat ekstrim (Hayuningtyas R.W & Sudikan S.Y, 2023).

Berdasarkan pemerhatian, jelaslah bahawa teknologi yang digunakan oleh mereka sudah kurang relevan dan dianggap masih berada di takuk yang lama. Amat menyedihkan apabila mereka telah bekerja keras bermula awal pagi demi mendapatkan hasil laut namun hasil yang diperolehi tidak setanding dengan usaha keras mereka. Sejak dahulu lagi, golongan ibu bapa dalam kalangan masyarakat Bajau Laut tidak berminat dengan pendidikan anak-anak mereka. Namun setelah melihat masyarakat luar masing-masing menekankan pendidikan terhadap anak-anak, mereka mula menunjukkan minat dan kesedaran terhadap pendidikan (Salleh M.J., & Ahmad, A.R, 2009). Maka oleh yang demikian, mereka berkehendak kepada pendidikan yang lebih moden agar mereka dapat mengetahui serta menguasai cara menggunakan teknologi moden yang ada pada masa kini. Jika mereka dilatih menggunakan teknologi yang ada, maka sudah tentu hasil laut yang diperolehi akan berlipat kali ganda dan keuntungan dapat dimaksimumkan sebanyak yang mungkin. Maka, pembinaan madrasah terapung adalah amat diperlukan bagi mengajar masyarakat Bajau Laut menguasai teknologi yang ada sekaligus meningkatkan kualiti hidup masyarakat mereka. Perkara ini dapat direalisasikan dengan cara pihak sekolah boleh mengupah beberapa orang pakar untuk melatih nelayan-nelayan Bajau Laut ini menggunakan kemudahan teknologi dalam aktiviti harian mereka.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Kesimpulannya, objektif kajian ini iaitu untuk mengetahui aspek-aspek ekologi budaya dalam pendidikan Masyarakat Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna Sabah adalah tercapai. Secara rasionalnya penubuhan sekolah terapung bagi kanak-kanak bajau Laut ini adalah perlu kerana kanak-kanak lebih mudah untuk dididik serta mereka lebih semangat untuk menuntut ilmu kerana sikap semulajadi mereka yang mudah terpengaruh dengan orang sekeliling. Maka, menjadi tanggungjawab guru-guru atau tenaga pengajar di sekolah terapung ini untuk menunjukkan contoh ikutan yang terbaik sama ada dari segi pemakaian, percakapan, peribadi dan sebagainya. Tambahan lagi pada pandangan saya, saya merasakan bahawa keunikan budaya mereka ini sebenarnya boleh diperluaskan lagi agar budaya mereka ini mendapat penghormatan daripada masyarakat sekeliling. Oleh itu, untuk merealisasikan harapan tersebut saya merasakan pentingnya pendidikan dalam

mengintegrasikan ekologi budaya Masyarakat Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna. Kawasan mereka yang sememangnya semakin menjadi tarikan pelancong seharusnya diaplikasikan dengan sepenuhnya jika mereka bijak menggunakan peluang yang ada untuk memperkenalkan bangsa mereka di mata dunia. Tuntasnya, sudah terang lagi bersuluh bahawa nilai ekologi budaya merupakan satu keperluan yang penting kerana nilai budaya yang kukuh akan melahirkan generasi yang kompetitif secara holistik tanpa mengeneipkan komuniti asal. Kehidupan masyarakat Bajau Laut yang sudah sehati dengan persekitaran mereka sebenarnya memberi dorongan dan motivasi dalam diri mereka untuk terus aktif menceburkan diri dalam usaha mencari ilmu pengetahuan. Justeru, pengaplikasian pendidikan berasaskan budaya dan sosial dapat mewujudkan satu suasana yang selesa dalam diri mereka kerana orang Bajau Laut dikenali sebagai kaum yang kurang keyakinan diri dan sukar untuk menerima sesuatu yang baharu. Akhir kalam, sesungguhnya keharmonian yang seimbang wujud di antara keperluan sosial dan budaya sememangnya mampu memberi pengaruh positif dalam usaha memperbanyakkan lagi penglibatan kanak-kanak Bajau Laut dalam pendidikan seterusnya melahirkan insan yang harmoni dari sudut jasmani dan rohani.

6. Rujukan

- Abd Rasyid Asba & Ismail Ali. (2014). Gypsy from the Oriental: Bajo Ethnic in the Sulawesi. *Tawarikh. International Journal for Historical Studies* 6(1), 25–34.
- Ali Ismail. (2007). Bogoo: *Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut di Sabah, Malaysia* 25(1).
- Aldam, N. F., & Yew, V. W. (2017). Perubatan Alternatif dalam Kalangan Komuniti Bajau Laut Semporna, Sabah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).
- Asnarulkhadi A. S. (2005). *Orang Asli: Mengarusperdanakan Pengguna Minoriti*. Dalam Nurizan Yahya, Mohd Amim Othman & Sharifah Azizah H. (pnyt), *Pengguna dalam Pembangunan* (hal. 264-276). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Badariah Saibeh. (2018). Pendidikan Untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan dan Kebolehcapaian Pendidikan dalam Kalangan Penduduk di Pulau Mabul, Sabah. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Basri, L., O., dkk. (2017). Pamali, Bajo's Local Wisdom in the Conservation of Marin Resources. *Asian Social Science*.13(12).63-67.DOI:10.5539/ass.v13n12p63
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Pearson.
- Budi Anto. (2021). Isu-Isu Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Pala'u di Lahad Datu, Sabah. *International Journal of Law Government and Communication*, 6(23), 1-22.
- Chua Bee Seok, Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. (2016). *Persepsi Kumpulan Multi-etnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain* (24), 111-145.
- Djohani, R.H. (1997). The nature conservancy. Dlm. Thomas Tomascik [Ed.]. *The Ecology of Indonesian Sea, Part II*. Sydney: Periplus Publisher Press.
- Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: *Warisan dan pusaka*. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 59–71.
- Hayuningtyas, R. W., & Sudikan, S. Y. (2023). Budaya Masyarakat Bajo Dalam Novel Mata Dan Manusia Laut karya Okky Madasari: *Kajian Interpretatif Simbolik Clifford Geertz* 10(1), 186-195.

- Indrawasih, R., & Antariksa, I. G. P. (2003). Budaya Bajau: Pemanfaatan dan Pelestaria Lingkungan. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 5(2), 59-75.
- Ismail Ali. (2007). Petempatan dan kehidupan komuniti bajau laut di Pulau Gusungan Semporna, Sabah. *Borneo Research Journal*, 1(1), 205-218.
- La Ola, T., Wianti, N. I., & Tadjuddah, M. (2020). Bridging and bounding social capital: social interaction analysis of islets islanders in Wakatobi Marine National Park. *Sodality: Jurnal Sosiologi Pedesaan*, 8(1), 30-46.
- Mohd Afizi bin Md Ali. (2019). 16 Perkara Penting Berkaitan Penerimaan Kemasukan Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan Mulai 2019.
- Mohd Nazri Abdul Rahman (2014). Pembangunan model *homeschooling* berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. *Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas. Masyarakat Orang Asli Perspektif pendidikan dan sosiobudaya. Penerbit UKM, Bangi.*
- Sandelowski, M. (2000). Focus on research methods: Whatever happened to Qualitative Description? *Research in Nursing & Health* (23), 334-340.
- Sather, C. (1997). *The Bajau Laut : Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah. South-East Asian Social Science Monographs.* New York: Oxford University Press.
- Syahra, R. (2003). Modal sosial: Konsep dan aplikasi. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 5(1), 1-22.
- UNICEF. (2007). *Education Is a Human Right. Literacy and education in Malaysia: Key Actions*
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (4th Ed.). Sage Publications Thousand Oaks.